

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

**Merancang masa depan anda
tidak pernah semudah ini.**



PERLINDUNGAN YANG BERTERUSAN

Di PruBSN, kami mahukan yang terbaik untuk keluarga anda. Namun begitu, kejadian yang tidak disangka akan berlaku, misalnya kematian atau kehilangan upaya yang mungkin menghalang anda daripada terus menyara dan melindungi orang yang disayangi.

Dengan memilih **Lindungi**, anda boleh memastikan ahli keluarga anda dilindungi walaupun anda kehilangan upaya atau sudah tiada lagi bersama mereka.

Dengan sumbangan serendah RM0.15 sehari, ia menawarkan perlindungan kewangan dan ketenangan fikiran mengikut kemampuan anda. Lebih menarik lagi, anda boleh menguruskannya melalui platform *online* dengan mudah.



PERLINDUNGAN
tenang
MAMPU & MUDAH

Pelan **Lindungi** bagi jumlah perlindungan RM30,000 dan ke bawah adalah sebahagian daripada inisiatif Perlindungan Tenang oleh Bank Negara Malaysia.

Apakah Lindungi?

Lindungi adalah satu produk *online* yang menawarkan perlindungan Kematian dan manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) untuk anda.

100% daripada jumlah perlindungan asas akan dibayar kepada anda:

- Sekiranya berlaku Kematian akibat semua jenis punca
- Sekiranya berlaku TPD sebelum umur 70 tahun

Bagaimanakah Lindungi melindungi anda serta mereka yang tersayang?

Perlindungan kewangan untuk keluarga demi memastikan mereka dilindungi dari bebanan kewangan	Memberikan keluarga anda wang tunai sekaligus sekiranya anda kehilangan nyawa agar mereka dapat meneruskan kehidupan tanpa kerisauan tentang kewangan. Jangan lupa untuk melengkapkan Borang Penamaan anda. Ia dapat membantu mempercepatkan pengagihan manfaat supaya orang tersayang anda terhindar dari kesusahan. Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada penama anda tentang perlindungan takaful dan penamaan ini.
Perlindungan kewangan untuk anda	Memberikan anda wang tunai sekaligus sekiranya anda tidak dapat meneruskan penyaraan hidup disebabkan TPD.
Melindungi tempat tinggal bagi keluarga anda	Sediakanlah keperluan asas tempat tinggal untuk orang kesayangan anda walaupun setelah anda tiada lagi. Gunakan wang tunai sekaligus dari pelan ini untuk melangsaikan gadai janji rumah anda bagi menjamin tempat tinggal keluarga anda sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku kepada anda.

Berapakah sumbangan untuk pelan ini?

Amaun sumbangan sebenar adalah tertakluk pada yang berikut:

- Umur
- Status kesihatan
- Amaun perlindungan
- Pekerjaan (jika berkenaan)
- Jantina

Anda akan membuat pembayaran sumbangan sehingga tamat tempoh sijil dan amaun sumbangan akan bertukar apabila umur anda bertambah.

Siapakah yang boleh menyertai pelan ini?

Anda boleh menyertai pelan ini seawal umur 19 tahun sehingga umur 60 tahun.

Apakah caj-caj dan potongan yang dikenakan?

Lindungi adalah berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* di mana sumbangan anda akan diagihkan ke dalam Dana *Tabarru`* selepas menolak Caj *Wakalah* Pendahuluan. Ini adalah yuran bagi perkhidmatan yang kami sediakan. Jumlah sumbangan yang dinyatakan adalah termasuk sebarang Caj *Wakalah* Pendahuluan dan Caj Sijil *Wakalah*.

Butiran mengenai caj-caj dan potongan disenaraikan seperti dalam jadual di bawah.

Jenis caj/potongan	Butiran caj/potongan
Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	Caj ini digunakan untuk membayar perbelanjaan berkaitan pengagihan serta untuk menguruskan dan melabur Dana <i>Tabarru`</i> . Caj ini adalah 40% daripada sumbangan anda.
Caj Sijil <i>Wakalah</i>	Pelan ini tidak mempunyai Caj Sijil <i>Wakalah</i> .
<i>Tabarru`</i>	Amaun sumbangan selepas ditolak Caj <i>Wakalah</i> yang ditentukan berdasarkan umur, jantina, status kesihatan, pekerjaan (jika berkenaan) dan jumlah perlindungan sepanjang tempoh perlindungan.

Mengapakah penting untuk membuat penamaan?

Tujuan mengambil pelan takaful keluarga adalah untuk memastikan orang yang tersayang dilindungi dari segi kewangan sekiranya sesuatu berlaku kepada anda. Adalah penting bahawa orang yang anda sayangi dapat mengakses dana dengan cepat. Jika anda tidak membuat penamaan dalam sijil takaful anda, pengendali takaful anda tidak dipertanggungjawabkan untuk melepaskan dana manfaat sijil sehingga orang tersayang anda memperoleh Geran Probet atau Surat Pentadbiran atau Perintah Pembahagian, yang mungkin mengambil masa beberapa tahun. Walau bagaimanapun, jika penamaan dibuat, dana manfaat sijil boleh dibayar dengan lebih cepat tanpa perlu mendapatkan Geran Probet atau Surat Pentadbiran atau Perintah Pembahagian. Adalah penting bagi anda memaklumkan penama anda tentang perlindungan takaful dan penamaan ini.

Nota-nota Penting:

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan dan Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini.
2. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
3. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda akan ditamatkan selepas tempoh tangguh selama 30 hari dari tarikh sumbangan.
4. Kadar sumbangan dan *Tabarru`* adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menilai semula kadar sumbangan dan/atau *Tabarru`* dengan memberi notis bertulis 90 hari.
5. Kadar sumbangan akan berubah mengikut umur anda.
6. Untuk **Lindungi**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
7. **Lindungi** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sumbangan selepas penolakan Caj *Wakalah* Pendahuluan, dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk Caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
8. **Lindungi** tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Dana *Tabarru`* pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
9. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan (jika ada). Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima baki selebihnya 50% sebagai yuran prestasi menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian agihan lebihan anda akan dikreditkan terus kepada anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

Pengecualian:

Lindungi tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tempoh setahun dari tarikh sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dalam keadaan waras atau tidak waras.
3. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan penglibatan di dalam penerbangan udara (termasuk payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau penumpang berbayar di dalam pesawat komersil berlesen yang beroperasi pada laluan biasa yang telah ditetapkan.

Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi. Ini adalah digunapakai dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Sijil. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami selepas dua belas (12) bulan akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda perlu merujuk dokumen sijil untuk maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab '*kafala*' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.

PERTOLONGAN BERSAMA

**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun***" (kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at*** (kebajikan) secara semulajadi.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Lindungi adalah satu produk patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

☎ 03 2053 7188

✉ customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan kepada **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Mei 2020.